

Kerajaan perpaduan Palestin wujudkan perdamaian – PM

Um - 22/9/2006

NEW YORK 21 Sept. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini bertemu Presiden Palestin, Mahmoud Abbas di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menggalakkan usaha penubuhan kerajaan perpaduan bersama Hamas dan kumpulan Palestin lain.

Bercakap pada sidang akhbar di sini hari ini, Perdana Menteri menegaskan kepentingan penubuhan sebuah kerajaan perpaduan penting kerana dengan mempunyai wakil daripada semua kumpulan, keputusan yang dibuat akan mengambil kira kepentingan semua pihak.

Menurutnya, sejak awal iaitu apabila Hamas memenangi pilihan raya Palestin, beliau menghubungi pemimpin-pemimpin Hamas dan Fatah untuk melihat mereka menubuhkan sebuah kerajaan perpaduan dengan semua kumpulan terbaik-baik untuk membolehkan diwujudkan perdamaian.

Dengan dorongan Malaysia, beliau berharap kedua-dua pemimpin Palestin iaitu Presidennya daripada Fatah dapat

bersama dengan Perdana Menteri, Ismail Haniyeh iaitu daripada Hamas berusaha bersungguh-sungguh membentuk sebuah kerajaan perpaduan.

Ditanya mengenai masalah yang menghalang kewujudan kerajaan perpaduan, Perdana Menteri menyatakan ia merupakan soal cara mana untuk mereka berpakat kerana masing-masing mempunyai kedudukan dengan Hamas yang memenangi pilihan raya dan Fatah sebagai parti terbesar.

Perjuangan

Malaysia, kata beliau, tetap komited untuk membantu perjuangan Palestin dan menganggap ia sebagai masalah kemanusiaan kerana mereka adalah satu bangsa yang telah ditindas serta sebahagian besar tanah air diambil.

Menurut beliau, kawasan asal Palestin adalah lebih besar tetapi kini hanya tinggal 22 peratus daripada apa yang ada dan itupun pihak Israel hendak mengurangkannya lagi.

Bagaimanapun katanya, pihak Palestin mempunyai semangat tinggi dan berusaha bersungguh-sungguh bagi mempertahankan bangsa mereka dan memastikan mendapatkan kembali tanah air sendiri.